

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 35

Proses pinjaman lebih mudah pacu pertumbuhan ekonomi

Proses pinjaman lebih mudah pacu pertumbuhan ekonomi

Sistem kewangan yang memudahkan transaksi antara pemberi pinjaman dan peminjam dengan menyediakan akses kepada modal diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata institusi kewangan memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan ekonomi negara.

"Kerajaan dan industri perbankan mengambil langkah berani pada kemuncak COVID-19, terutama inisiatif penangguhan semua bayaran balik pinjaman untuk tempoh enam bulan.

"Justeru, menjadi harapan saya supaya bank kembali bekerjasama dengan kerajaan untuk memacu pemulihan ekonomi.

"Saya berharap institusi kewangan akan melakukan yang terbaik untuk memudahkan akses kepada pembiayaan untuk perniagaan, terutama dalam

industri terjejas teruk seperti penerbangan, pelancongan dan hospitaliti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Kewangan dan Perbankan Malaysia 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Presiden KSI Strategic Institute for Asia-Pacific, Tan Sri Michael Yeoh; Penggerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Penggerusi Kelab Ekonomi Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Iqbal Rawther.

Mustapa berkata, 2022 bukan sahaja menjadi tahun penting untuk pemulihan ekonomi, malah peluang memperbaharui ekonomi kerana matlamat Malaysia adalah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2025. Dalam kes sektor kewangan, Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 menunjukkan kita jalan ke hadapan," katanya.

Mustapa berkata, 2022 bukan sahaja menjadi tahun penting untuk pemulihan ekonomi, malah peluang memperbaharui ekonomi kerana matlamat Malaysia adalah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2025.

"Kita mesti meningkatkan pe-

kerja; memacu daya saing dan inovasi; memperbaharui serta mengukuhkan institusi; meluaskan dan mendalami jaringan keselamatan sosial; serta memastikan pengagihan pendapatan lebih saksama.

"Sudah tiba masanya, kita mengemudi reformasi dan perubahan dalam mentransformasikan Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2025. Dalam kes sektor kewangan, Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 menunjukkan kita jalan ke hadapan," katanya.

Beliau menegaskan, sektor kewangan perlu terus memainkan peranan penting dalam agenda kemapanan.

"Setakat ini, 270 bank mewakili 45 peratus daripada aset perbankan di seluruh dunia telah menyatakan komited kepada Inisiatif Kewangan Program Alam Sekitar Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Prinsip

“Saya berharap institusi kewangan akan melakukan yang terbaik untuk memudahkan akses kepada pembiayaan untuk perniagaan, terutama dalam industri terjejas teruk seperti penerbangan, pelancongan dan hospitaliti”

Mustapa Mohamed,
Menteri
di Jabatan
Perdana Menteri
(Ekonomi)



Perbankan Bertanggungjawab dalam menjajarkan hala tuju strategik mereka.

"Oleh itu, terdapat keperluan untuk institusi kewangan di Malaysia mengikutinya bank pada peringkat global," katanya.